



## JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

### **KENYATAAN MEDIA**

#### **PEJABAT KERAJAAN BEROPERASI DENGAN KEHADIRAN YANG BERPADANAN SEMASA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)**

- 
1. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) ingin menjelaskan bahawa berdasarkan kepada dapatan laporan yang diterima menerusi Kementerian/Jabatan menunjukkan peratusan kehadiran penjawat awam pada hari pertama PKPB tidak seperti yang digambarkan oleh sesetengah pihak.
  
  2. Berdasarkan laporan-laporan yang diterima, purata peratusan kehadiran penjawat awam ke pejabat adalah di antara 15% hingga 35%. Ini adalah berdasarkan catatan kehadiran semasa yang dilaporkan oleh Kementerian/Jabatan masing-masing. Sebagai contoh, antara laporan kehadiran yang dilaporkan daripada Kementerian/Jabatan adalah seperti berikut; Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KETSA) - 15%, MAMPU - 24%, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) - 29%, Kementerian Pengangkutan (MOT) – 27%, Unit Perancang Ekonomi (EPU) – 28%, Kementerian Dalam Negeri (KDN) – 38%, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) – 20%, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) - 28.18%, Kementerian Pertahanan (MinDef) - 27.48%, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) - 35.01%, Kementerian Kerja Raya (KKR) – 30% dan Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) – 15%. Peratusan kehadiran ini akan berubah-ubah mengikut masa dan keperluan tanpa menjaskan prinsip asas dan objektifnya.

3. Data pelaporan peratusan yang diterima ini jelas menunjukkan bahawa walaupun pejabat kerajaan telah mula beroperasi sepenuhnya bermula pada 4 Mei 2020, namun pendekatan yang diambil oleh Ketua-Ketua Jabatan adalah dengan meminimumkan kehadiran penjawat awam ke pejabat dengan opsyen Bekerja Dari Rumah. Ia selaras dengan pendekatan seperti yang disarankan menerusi surat edaran yang dikeluarkan oleh JPA mengenai Operasi Pejabat Kerajaan Semasa Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) bertarikh 2 Mei 2020. Pendekatan Bekerja Dari Rumah (BDR) dan bekerja mengikut waktu fleksi adalah pendekatan yang digalak dan diamalkan pada masakini sebagai mendokong usaha berterusan untuk membendung penularan wabak COVID-19. Walaupun begitu, semua Kementerian/Jabatan telah diarahkan supaya memastikan sistem penyampaian kerajaan berfungsi sepenuhnya. Budi bicara Ketua-Ketua Jabatan dalam menguruskan sumber manusia di pejabat masing-masing adalah dibenarkan dalam memastikan sistem penggiliran atau mereka yang diminta untuk bekerja dari rumah dapat dikawal selia bagi menjamin penyampaian perkhidmatan yang berterusan. Pada masa yang sama, Ketua-ketua Jabatan juga berperanan bagi memastikan peraturan-peraturan sedia ada dipatuhi sepenuhnya selari dengan arahan-arahan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa.
4. Sehubungan ini, JPA berharap agar semua pihak yang berurusan dengan pejabat-pejabat kerajaan juga dapat mematuhi norma baru melalui garis panduan yang telah dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara, Kementerian Kesihatan Malaysia dan Kementerian/Jabatan berkaitan dalam urusan mereka di pejabat-pejabat Kerajaan. Sebaik mungkin juga, perkhidmatan-perkhidmatan yang dapat dilakukan secara atas talian, dimanfaatkan sepenuhnya secara atas talian.
5. Kita harus cepat mengadaptasi pendekatan dan persekitaran yang berbeza dalam normal baharu kerja pada masa sekarang bagi memastikan penularan wabak COVID-19 ini dapat dibendung dengan kadar segera. Marilah kita bersama-sama mengamalkan gaya hidup yang sihat dan selamat. Kementerian-kementerian serta jabatan-jabatan kerajaan akan terus

memastikan sistem penyampaian kerajaan dapat disampaikan pada tahap yang terbaik kepada rakyat dan negara.

**Datuk Mohd Khairul Adib Abd Rahman**  
**Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam**  
**5 Mei 2020**

#####

**Jabatan Perkhidmatan Awam**  
Tarikh : 5 Mei 2020  
Tel : 03 - 8885 3096/ 3146  
Emel : [komunikasi@jpa.gov.my](mailto:komunikasi@jpa.gov.my)  
No. Ruj.: JPA.100-9/1/2 (84)